

UMS hantar 2 wakil sertai KIK IPTA 2012

BH 22-03-2012 4

LABUAN: Dua kumpulan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Nexus dan TechKAL menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ke-8 peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, pada 7 hingga 8 Mac lalu.

Kumpulan Nexus daripada Jabatan Pendaftar, UMS Kota Kinabalu menyertai kategori pengurusan, manakala Kumpulan TechKAL daripada Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP), UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bagi kategori teknikal.

Kumpulan Nexus diwakili oleh

Awina Kamis, Alvin Azril Mahat, Abdul Hafiz Ampuan Tajudin, Mohd Azwan Alleh, Mohd Jamrie Musa, Rosnani Saibin, Sartinah Ramli, Mohd Azizal Jasmih, Masamira Saminin dan Mohd Yasir Mijan dengan Ketua Timbalan Pendaftar, No'man Datuk Ahmad bertindak sebagai fasilitator kumpulan Nexus yang menyempai-

kan projek bertajuk Masalah Pengisian Jawatan Akademik.

Kumpulan TechKAL pula diwakili oleh Mohd Azrie Tanjong, Abd Sofian Abd Ghani, Mohd Firdaus Anson, Nurazeyhan Aman, Herman Lairi, Arther Balingi, Norfizan Norisan, Rayme Musa, Mohd Ali Kassim, Ismail Alimin dan Hassan Suliman.

Jurutera Kanan, Jorin Matawas yang juga fasilitator Kumpulan TechKAL menyampaikan projek bertajuk Papan Lutsinar. Delegasi TechKAL turut disertai Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Walaupun gagal mendapat tempat kali ini, Kumpulan Nexus dan TechKAL telah menunjukkan prestasi yang baik dan memberikan saingan sengit kepada 20 IPTA dari seluruh negara.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang juga Presiden UIAM.

Turut hadir pada majlis penutupan dan penyampaian hadiah itu ialah Pemangku Rektor UIAM, Prof Datuk Md Tahir Md Azhar dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.



AHLI Kumpulan TechKAL (duduk) bergambar kenangan bersama Nexus (berdiri) yang menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif IPTA 2012.